

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH (SETIU)  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu]** minta **Menteri Kesihatan** menyatakan jumlah pegawai pergigian atau *dental officer* di negara ini serta adakah nisbah yang sedia ada memenuhi *standard* yang sepatutnya diamalkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah berjaya meningkatkan bilangan Pengamal Pergigian (PP) di negara. Pada 31 Disember 2014, terdapat 5,888 orang Pengamal Pergigian di Malaysia berbanding 5,235 pada 2013 dan 4,558 pada 2012. Seramai 3,763 (63.9%) orang PP adalah di sektor awam dan 2,125 (36.1%) orang di sektor swasta.

Majoriti PP di sektor awam adalah di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu 3,229 (85.8%) dan baki 534 orang di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan di Kementerian Pertahanan Malaysia.

Sehingga 31 Desember 2014, nisbah PP kepada penduduk adalah 1 PP: 5,139 Penduduk.

Dianggarkan bilangan PP akan bertambah dengan pengeluaran graduan pergigian dari 15 Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan graduan warga negara yang balik dari luar negara. Dijangka nisbah PP kepada penduduk akan mencapai *standard* seperti negara Singapura iaitu 1 PP : 3,000 Penduduk pada tahun 2019.